

# HARI KELUARGA KTU TAHUN 2018



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4112-hari-keluarga-ktu-tahun-2018](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4112-hari-keluarga-ktu-tahun-2018)

ALOR SETAR, 10 Nov 18 – Kolej Tentera Udara (KTU) telah menganjurkan Hari Keluarga pada tahun 2018 bertempat di Mini Stadium KTU. Pelbagai aktiviti seperti tarian zumba, pertandingan mewarna untuk anak-anak, sukaneka, karaoke dan cabutan bertuah telah diadakan. Selain itu, gerai-gerai makanan juga turut disediakan untuk para pengunjung.

Komandan Kolej Tentera Udara, Brig Jen Dato' Johnny Loh Kok Kong TUDM telah merasmikan majlis dengan memotong riben streamer sambutan Hari Keluarga KTU 2018. Sebelum acara sukaneka bermula, Komandan telah diperkenalkan kepada semua kontjen skuadron dan unit serta beramah mesra dengan semua warga dan keluarga KTU.

Acara penyampaian hadiah kepada pemenang acara sukaneka, pertandingan mewarna kanak-kanak, cabutan bertuah dan juga pemenang Karnival Sukan KTU Penggal ke 2 telah disampaikan oleh Komandan Kolej Tentera Udara. Beliau seterusnya merasmikan penutupan majlis Hari Keluarga KTU pada tahun 2018. Majlis telah berjaya dilaksanakan dengan lancar dan meriah.





